

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 NOVEMBER 2016

# Pembangunan PKS menerusi e-dagang perlu diutamakan: PM

BH - 12/11/2016

➔ Kerajaan pastikan sektor capai sasaran jangka panjang

Putrajaya

**P**embangunan sektor perusahaannya kecil dan sederhana (PKS) melalui e-dagang adalah antara langkah utama yang perlu diambil kerajaan untuk memastikan sektor itu dapat mencapai sasaran jangka panjang. Perdana Menteri, Datuk Seri Na-

jib Tun Razak, berkata meskipun dalam keadaan ekonomi semasa yang mencabar, kementerian dan agensi diingatkan agar terus komited dalam melaksanakan program pembangunan PKS di bawah portfolio masing-masing. Kedua-dua perkara itu disuarakan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, ketika memperkerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ke-21 di sini, semalam, demikian menurut kenyataan dikeluarkan SME Corp sempena mesyuarat itu. Selain 15 menteri yang berkaitan, ketua agensi utama dan perwakilan dari Sabah dan Sarawak,



Meskipun dalam keadaan ekonomi semasa yang mencabar, kementerian dan agensi diingatkan agar terus komited melaksanakan program pembangunan PKS di bawah portfolio masing-masing”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

tiga kementerian baharu menyertai MPPK iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Belia dan Sukan. “Barisan ahli baharu ini akan memastikan konsultasi yang lebih inklusif dan menyeluruh untuk memberi manfaat kepada PKS dalam semua segmen,” katanya. **KDNK PKS dijangkakan lima ke enam peratus** Menurut SME Corp, berdasarkan petunjuk terkini dan hasil kaji selidik bagi suku ketiga tahun ini, prestasi PKS terus berada pada landasan pertumbuhan sedia ada

sehingga suku pertama 2017. “Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS dijangkakan berada dalam lingkungan lima ke enam peratus pada 2016 dan 2017 berbanding 6.1 peratus pada tahun lalu,” katanya. SME Corp berkata, pertumbuhan itu dijangka disokong oleh aktiviti penggunaan domestik dan pelancongan dalam negeri, yang berkait rapat dengan prestasi PKS. Seajar pengisytiharan 2017 sebagai Tahun Promosi PKS dan syarikat permulaan, kerajaan mengemukakan peruntukan sebanyak RM6.7 bilion untuk pembangunan PKS dalam Bajet 2017, baru-baru ini. **BERNAMA**